

13 JUL 1996

Mahathir - Teater

PERDANA MENTERI MAHU TEATER BERTEMA PATRIOTIK DIPERBANYAKKAN

KUALA LUMPUR, 13 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu teater berbentuk patriotik diperbanyakkan untuk menanamkan semangat cintakan negara dan meningkatkan kualiti teater di negara ini.

"Memang patut diperbanyakkan (teater sedemikian) kerana ia dapat memperbaiki kualiti persembahan teater," katanya kepada pemberita selepas menonton persembahan teater bertajuk "Belum Selesai" di Balai Budaya Tun Syed Nasir, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), di sini malam ini.

Menurut beliau, persembahan teater merupakan satu cara untuk menyampaikan maklumat dan menjadi teladan serta petunjuk kepada masyarakat yang berkesan.

Dr Mahathir memuji persembahan teater karya dan arahan Zakaria Ariffin yang disifatkannya dapat mengembalikan ingatan kepada perjuangan menentang penjajahan dan pencapaian kemerdekaan tanah air.

Katanya teater yang dibintangi oleh beberapa pelakon tempatan itu merupakan satu pementasan yang berkualiti dengan tajuk yang amat sesuai serta lakonan dan persembahan yang amat baik.

Dr Mahathir kemudian diperkenalkan kepada para pelakon dan anggota pementasan teater itu.

Teater "Belum Selesai" merupakan cebisan peristiwa survival orang Melayu khususnya dalam perjuangan menentang Malayan Union. Walaupun mereka berjaya menggagalkan gagasan tersebut tetapi sebagai bangsa besar yang mempunyai wawasan, perjuangan sebenar belum selesai.

Teater itu juga merupakan kesinambungan drama "Pentas Opera (1989) dan "Perempuan Seorang Leftenan Inggeris (1995) yang dipentaskan sebelum ini.

Yang turut hadir ialah Pengerusi DBP Datuk Abdul Rahim Bakar, Ketua Pengarah DBP Haji A. Aziz Deraman serta beberapa tokoh penggiat teater dan penulis tempatan.

Teater yang berlangsung selama lebih sejam itu akan dipentaskan di DBP sehingga malam esok dan kemudian di Dewan Budaya, Universiti Sains Malaysia dari 5 hingga 6 Ogos. -- BERNAMA

HS FAZ